



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 11 OKTOBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	IN FACTORY TO BE BUILT IN BELURAN, THE BORNEO POST -ONLINE OVER 2,700 FISHERMEN SET TO BENEFIT FROM ICE FACTORY TO BE BUILT IN BELURAN BY LKIM, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -7 RM3.45 JUTA BINA DAN BAIK PULIH RUMAH NELAYAN DI SABAH, UM -ONLINE PENGALAMAN SEBAGAI TIMBALAN MENTERI UNTUK PERKASA PERTANIAN, HAKAH DAILY -ONLINE AGROMAKANAN SEKTOR UTAMA KDNK, NASIONAL, SH -11	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
6.	CABUT TINGGALKAN 7 LEMBU BRAHMAN, LOKAL, HM -20	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
7.	MUARA SUNGAI DUNGUN CETEK, 100 NELAYAN SUKAR CARI REZEKI, NEGARA, KOSMO -16	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
8.	LPP KELUAR MINYAK MASAK JENAMA SENDIRI, BISNES, HM -24	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
9.	KETAM NIPAH KINI MAKANAN PREMIUM, DALAM NEGERI, UM -32	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/10/2021	THE BORNEO POST	ONLINE	

Ice factory to be built in Beluran



Ronald (second right) presenting food assistance to a fisherman after surveying the houses and meeting the residents of the Fishermen's Special Housing Project at Kampung Kolapis.

BELURAN (Oct 10): The Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM) will build an ice factory in Beluran that is set to benefit 2,783 fishermen in the district, said Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

He said the ice factory, to be built on a 0.5-hectare site in Kampung Keramat, near here, will provide storage and marketing facilities to the fishermen.

"The LKIM has allocated RM300,000 for the construction of the ice factory for the benefit of most of the coastal fishermen in Beluran.

"The LKIM is dealing with the Beluran District Office and the District Land and Survey Office to purchase the site," he told reporters after surveying the houses and meeting the residents of the Fishermen's Special Housing Project (PKPN) at Kampung Kolapis, near here, on Sunday.

Ronald, who is the Beluran Member of Parliament said the PKPN participants' houses were part of the 200 residences being repaired by LKIM.

According to him, the ministry, through the LKIM, had allocated RM6.43 million this year to repair and construct new houses for fishermen nationwide under the PKPN.

At the event, he also handed over food baskets to 100 members of the Beluran Fishermen Association who were affected by the Covid-19 pandemic. – Bernama

Headline	Over 2,700 fishermen set to benefit from ice factory to be built in Beluran by LKIM		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	11 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	7	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	157 cm ²
Journalist	Bernama	AdValue	RM 2,141
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 6,423



Kiandee (second right) hands over a food basket to a fisherman during the walkabout programme. --- Bernama photo

Over 2,700 fishermen set to benefit from ice factory to be built in Beluran by LKIM

BELURAN: The Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM) will build an ice factory in Beluran that is set to benefit 2,783 fishermen in the district, said Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

He said the ice factory, to be built on a 0.5-hectare site in Kampung Keramat, near here, will provide storage and marketing facilities to the fishermen.

The LKIM has allocated

RM300,000 for the construction of the ice factory for the benefit of most of the coastal fishermen in Beluran.

"The LKIM is dealing with the Beluran District Office and the District Land and Survey Office to purchase the site," he told reporters after surveying the houses and meeting the residents of the Fishermen's Special Housing Project (PKPN) at Kampung Kolapis, near here yesterday.

Ronald, who is Beluran MP, said

the PKPN participants' houses were part of the 200 residences being repaired by LKIM.

According to him, the ministry, through the LKIM, had allocated RM6.43 million this year to repair and construct new houses for fishermen nationwide under the PKPN.

At the event, he also handed over food baskets to 100 members of the Beluran Fishermen Association who were affected by the Covid-19 pandemic.

— Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/10/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

RM3.45 juta bina dan baik pulih rumah nelayan di Sabah



RONALD Kiandee (dua kanan) beramah mesra dengan nelayan yang menerima rumah di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN) di Beluran hari ini.

BELURAN: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memperuntukkan sebanyak RM3.45 juta bagi membaik pulih dan membina baharu rumah nelayan di Sabah.

Sebanyak 200 rumah terlibat dalam pembinaan dan pembaikpulihan di bawah

Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN) itu dikawal selia oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, sejumlah RM6.43 juta diperuntukkan di bawah PKPN bagi membaik pulih dan membina rumah di seluruh negara pada tahun ini.

Beliau berkata, menerusi program itu, LKIM akan membantu nelayan yang berpendapatan rendah untuk membaik pulih rumah dan membina rumah baharu.

“Selain itu, program ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat nelayan khususnya yang kurang berkemampuan.

“Secara keseluruhan kementerian menerusi LKIM telah memperuntukkan lebih RM 150 juta pada tahun ini bagi bantuan dan insentif kepada komuniti nelayan meliputi pelbagai program termasuk Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) sebanyak RM300 setiap bulan serta subsidi minyak diesel dan petrol,” katanya semasa lawatan ke rumah peserta PKPN dan penyerahan bakul makanan nelayan hari ini.

Mengulas lanjut katanya, LKIM juga telah memperuntukkan sebanyak RM 500,000 untuk pembelian bangunan pejabat Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Beluran dan RM 300,000 untuk pembinaan kilang ais batu di Kampung Keramat bagi tujuan penyimpanan hasil tangkapan perikanan dan pemasaran ikan yang akan memberi manfaat kepada 2,783 orang nelayan di kawasan ini.

Disamping itu, PNK Beluran turut menerima peruntukan sebanyak RM100,000 di bawah dana khas PNK di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) bagi menjalankan perniagaan jualan ais batu.

Sementara itu, seramai 50 orang peserta nelayan di daerah ini mendapat bantuan dan insentif secara sekali bayar di bawah projek tanaman kontan dengan peruntukan berjumlah RM 100,000 manakala, peruntukan RM4 juta diberikan dibawah projek yang sama melalui bantuan input pertanian untuk dimanfaatkan oleh 3,006 orang nelayan.

Dalam majlis itu, Ahli Parlimen Beluran ini turut menyampaikan sumbangan bakul makanan kepada 100 orang nelayan PNK Beluran.

Jelas beliau, LKIM akan terus memainkan peranan untuk memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi nelayan dan memajukan perusahaan perikanan negara. Agensi ini juga akan memastikan bekalan ikan negara mencukupi sepanjang masa termasuk dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN).-

UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/10/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Pengalaman sebagai timbalan menteri untuk perkasas pertanian



Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

TANAH MERAH: Pengalaman sebagai Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan dijadikan panduan utama bagi Dato' Che Abdullah Mat Nawi untuk memperkasakan sektor tersebut.

Di bawah kerajaan Perikatan Nasional, beliau yang juga Ahli Parlimen Tumpat dipilih bagi mengetuai salah satu agensi di bawah kementerian itu,

Menurut beliau, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) seluruh negara akan terus diperkasakan bagi bersama-sama hasrat kerajaan bagi menyediakan sumber makanan yang mencukupi kepada negara.

“Sektor pertanian ini adalah terlalu dekat dengan saya, pengalaman sebagai exco pertanian kerajaan negeri Kelantan, kemudian timbalan menteri, kini diberi peluang sebagai pengerusi LPP.

“Saya lebih berpeluang untuk turun ke bawah untuk memperkasakan lagi PPK seluruh negara kerana kita yakin mereka dapat membantu kerajaan dalam menyediakan sumber makanan kepada negara,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas mengadakan lawatan kerja terhadap projek korporat ternakan rusa yang dilaksanakan oleh PPK Tanah Merah di sini, hari ini.

Turut hadir pada sidang media itu, Pengarah LPP Negeri Kelantan, Mohd Hanifa Awang Su dan Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPK Tanah Merah, Abdul Aziz Mamat.

Lawatan tersebut Che Abdullah turut mengumumkan pembaharuan terhadap PPK Tanah Merah yang mempunyai kira-kira 3,000 keahlian untuk mengembangkan lagi projek ternakan rusa.

Menurutnya, beliau akan terus mengadakan lawatan kerja ke PPK seluruh negara bagi bertemu serta menyelami masalah yang dihadapi warga peladang serta meningkatkan lagi hasil pendapatan.

“Jadi lawatan ini satunya untuk saya sendiri bagi mengenali dengan lebih dekat perjalanan PPK untuk saya fahami dan mendapatkan idea bagaimana untuk meningkatkan lagi pendapatan PPK.

“Hari ini PPK Tanah Merah sebagaimana yang kita lihat, PPK ini antara PPK yang aktif meningkatkan pendapatan ahlinya dengan menjana keuntungan melalui penternakan dan perniagaan,” katanya. –

HARAKHADAILY 10/10/2021

Agromakanan sektor utama KDNK

Dijangka berkembang dalam RMK12, guna teknologi pintar tingkatkan produktiviti

Oleh RAJA NUR FAZNE AIDA

SHAH ALAM

Sektor agromakanan dijangka akan berkembang pada kadar 4.5 peratus setahun dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) sekali gus meletakkan sektor tersebut sebagai penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Menyumbang kepada KDNK pada tahun 2025. Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, sektor pertanian diunjur berkembang sebanyak 3.8 peratus setahun dalam tempoh RMK12 dan menyumbang kepada KDNK pada tahun 2025.

"Dalam tempoh pelaksanaan RMK12 juga, sektor pertanian akan dipergiat dengan menggunakan teknologi pintar untuk meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan tahap sekuriti makanan negara merentasi semua subsektor agromakanan.

"Inisiatif ini termasuk menerima pakai kaedah pertanian berteknologi tinggi merangkumi analisis data raya (BDA), kecerdasan buatan (AI), internet benda (IoT) serta peralatan tepat seperti dron, robotik dan sensor di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Mengulas lanjut, Ronald berkata, kaedah pertanian pintar secara menegak dan tertutup juga akan diperluas dengan memanfaatkan tanah sedia ada dan bangunan terbiar.

"Melangkah ke hadapan, petani digalakkan untuk menerima pakai amalan pertanian organik untuk memenuhi permintaan yang semakin bertambah terhadap produk organik dan



Sektor pertanian diunjur berkembang sebanyak 3.8 peratus setahun dalam tempoh RMK12 dan menyumbang kepada KDNK pada tahun 2025.

menjana pendapatan yang lebih tinggi," katanya.

Dalam bidang perikanan tangkapan pula, beliau berkata, koperasi dan persatuan akan digalakkan untuk menceburi aktiviti perikanan laut dalam serta laut lepas dengan menggunakan kapal moden dan peralatan inovatif.

"Ini bertujuan untuk meningkatkan hasil dan daya saing serta menggalakkan industri perikanan yang mampan.

"Bidang ternakan pula akan diberi fokus dengan matlamat meningkatkan pengeluaran daging tempatan dan keselamatan makanan melalui amalan penternakan baik serta moden," katanya.

Dana pintar

Dalam pada itu, Ronald berkata, bagi menggalakkan pemodenan dalam sektor pertanian, mekanisme pembiayaan dan struktur insentif baharu akan diperkenalkan untuk mempercepatkan pembangunan industri berpotensi tinggi, terutama

bagi menerima guna teknologi 4IR.

Katanya, dana pertanian pintar yang khusus akan diwujudkan untuk mempercepatkan penerimgunaan teknologi moden dalam sektor pertanian di samping menyediakan peluang kepada petani terutama agropreneur muda untuk memodenkan aktiviti pertanian di sepanjang rantaian nilai.

"Inisiatif ini akan menarik pelaburan berkualiti, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan menghasilkan lebih banyak produk yang mempunyai nilai tambah yang tinggi selain menangani isu sekuriti makanan serta kebergantungan kepada tenaga kerja asing yang berkemahiran rendah," ujarnya.

Ronald berkata, petani, koperasi, persatuan serta industri pertengahan dan hiliran akan turut digalakkan untuk memanfaatkan platform e-dagang bagi meningkatkan pemasaran hasil pertanian bagi mengurangkan kebergantungan yang berlebihan kepada orang tengah.

"Platform ini juga akan membuka peluang kepada penyumberan Juar (outsourcing) perkhidmatan jentera dan peralatan perladangan bagi memanfaatkan sepenuhnya sumber dan mencapai kecekapan kos.

"Selain itu, kemahiran tenaga kerja akan dipertingkatkan melibatkan golongan belia melalui semakan semula kurikulum dan modul latihan untuk mewujudkan tenaga kerja yang kompeten bagi memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan," katanya.

Dalam perkembangan sama, Ronald turut menyambut baik penekanan aspek sekuriti makanan yang telah diberikan keutamaan sewajarnya dalam RMK12 dengan kelulusan tanpa pindaan di Dewan Rakyat pada Khamis.

RMK12 : SEKTOR AGROMAKANAN

- Dana pertanian pintar diwujudkan untuk mempercepatkan penerimgunaan teknologi moden dalam sektor pertanian.
- Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan menghasilkan lebih banyak produk.
- Memanfaatkan platform e-dagang untuk tingkatkan pemasaran hasil pertanian petani, koperasi, persatuan dan industri pertengahan dan hiliran.



Sektor pertanian akan dipergiat dengan menggunakan teknologi pintar untuk meningkatkan produktiviti.

Katanya, ia dapat meningkatkan keupayaan sektor agromakanan sebagai suatu sektor yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi sekaligus meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti makanan negara.

"Elemen jaminan sekuriti makanan merupakan prioriti Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk tempoh lima tahun akan datang dalam usaha meningkatkan ketersediaan makanan negara dan diajarkan dalam dokumen dasar utama Kementerian iaitu Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) 2021-2025," katanya.

Jelasnya, MAFI komited untuk melaksanakan semua strategi yang telah digariskan di bawah RMK12 bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan dalam mencorak semula masa hadapan negara selaras dengan matlamat kemakmuran, inklusiviti dan kemampuan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.



Penggunaan kapal moden dan peralatan inovatif.




Bidang ternakan diberi fokus dengan matlamat meningkatkan pengeluaran daging tempatan dan keselamatan makanan melalui amalan penternakan baik serta moden.



RONALD KIANDEE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/10/2021	HARIAN METRO	LOKAL	20

TUJU ekor lembu baka Brahman yang dirampas PGA selepas menahan sebuah lori di Pasir Mas, kelmarin.



Cabut tinggalkan 7 lembu Brahman

Pasir Mas: Tindakan membawa tujuh ekor lembu baka Brahman seludup bernilai RM88,200 menggunakan lori gagal apabila kegiatan berkenaan dikesan dalam operasi di Kampung Pohon Tanjung di sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 8 malam, anggota Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA7) terserempak sebuah lori dari arah Kampung Pohon Tanjung menuju ke Repek dalam keadaan mencurigakan.

Pegawai Pemerintah PGA7, Superintendan Azhari Nusi berkata, anggotanya cuba menahan lori itu namun pemandu bertindak memecut laju lalu diekori.

Menurutnya, lori berkenaan ditemui di Taman Purnama Lubok Jong di sini, 20 minit kemudian

dan pemandunya bertindak melarikan diri ke dalam semak berhampiran.

"Anggota menunggu selama 30 minit, tetapi tiada pihak yang datang menuntut sebelum menemukan

tujuh ekor lembu di bahagian belakang lori ketika melakukan pemeriksaan.

"Semua ternakan dan lori dirampas sebelum

lembu kemudian diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Kelantan untuk tindakan.

"Pihak kami percaya kesemua lembu berkenaan diseludup dari negara jiran melalui pangkalan haram di sepanjang Sungai Golok untuk pasaran seluruh negara," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Katanya, kes disiasat mengikut Sekyen 36 (1) Akta Binatang 1953.

Gagal seludup
tujuh ekor lembu baka
Brahman bernilai
RM88,200

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/10/2021	KOSMO	NEGARA	16

Muara sungai Dungun cetek, 100 nelayan sukar cari rezeki

DUNGUN – Keadaan muara Sungai Dungun di sini yang cetek menyukarkan pergerakan lebih 100 nelayan di daerah ini untuk keluar ke laut mencari rezeki.

Dakwa mereka, masalah itu telah dilalui lebih lima tahun dan semakin meruncing sejak kebelakangan ini.

Salah seorang nelayan, Zulkipli Deraman, 40, berkata, mereka kadangkala terpaksa menunggu air pasang penuh lebih dua jam di laut sebelum dapat memasuki ke pangkalan masing-masing.

“Membuang masa, lebih-lebih lagi ketika air di muara sungai tengah surut, kami perlu beratur ikut giliran untuk masuk ke kuala.

“Bagi bot yang kecil seperti bot gentian kaca, mungkin tidak terlalu bermasalah, tetapi bagi bot yang besar memang tidak boleh lalu sebab bimbang tersangkut pada beting pasir,” katanya ketika ditemui di Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Dungun di sini semalam.

Seorang lagi nelayan, Mohd. Zahimi Azlan, 38, berkata, nelayan juga turut menanggung kerugian akibat kerosakan bot



SEBUAH bot nelayan tersangkut pada beting pasir berikutan masalah muara Sungai Dungun yang cetek.

yang berisiko terjadi sewaktu melalui muara sungai tersebut.

“Kami juga sering bergadai nyawa melalui muara sungai kerana bot berisiko bocor sekiranya enjin terkena beting pasir.

“Sudah banyak bot yang rosak sebab langgar beting pasir, ada juga kejadian bot terbalik sehingga menyebabkan kematian,” katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap masalah yang sudah lama

berlarutan itu mendapat perhatian pihak berwajib segera.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sura, Wan Hapandi Wan Nik berkata, pihaknya sedia maklum mengenai masalah itu dan pihaknya sedang memohon mempercepatkan kelulusan daripada Kerajaan Pusat bagi pembinaan sistem tebatan ombak dianggar bernilai kira-kira RM250 juta bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Johor Bahru: Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Johor mengeluarkan minyak masak jenamanya sendiri, Peladang sejak bulan lalu bagi memberikan pilihan produk bermutu kepada masyarakat.

Pengarah LPP Negeri Johor, Datuk Sawalludin Ahmad berkata, minyak masak Peladang mula dipasarkan di semua Peladang *outlet* selain pasar raya terpilih, sejak 9 September lalu.

Katanya, minyak masak yang dikeluarkan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Simpang Renggam itu juga mula menembusi pasaran negeri lain termasuk Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan Perak.

“Buat julung kalinya, LPP Negeri Johor menerusi PPK Simpang Renggam mengeluarkan produk minyak masak dengan jenama Peladang.”

“Kami mengeluarkan minyak masak sebagai langkah proaktif melengkapkan rantaian produk makanan dikeluarkan LPP Negeri Johor.

“LPP mempunyai rangka-

LPP keluar minyak masak jenama sendiri



MINYAK masak Peladang kini di pasaran.

ian pasaran luas kerana mempunyai 30 Pergerakan Pertubuhan Peladang, 700 unit peladang, selain 106,484 ahli Peladang di seluruh negara.

“Sejak dipasarkan 9 September lalu, PPK Simpang Renggam yang mempunyai dua kilang sawit di Kahang mengeluarkan 46 tan minyak sawit untuk pasaran tempatan,” katanya selepas sesi dialog pada Program

Mengukuh Integriti dan Menangani Rasuah Dalam Penjawat Awam di Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Johor, di sini.

Dalam pada itu, Sawalludin berkata, minyak masak Peladang itu dikeluarkan dalam bentuk botol lima kilogram (kg) dan dua kg, yang masing-masing dipasarkan di bawah harga singling, iaitu pada harga RM28.50 dan RM12.50.



IZMAN FIKRI MOHAMAD menunjukkan ketam gred A yang dijual di gerainya di Kampung Kuala Semarak, Pasir Puteh, semalam. - **UTUSAN/TOREK SULONG**

Ketam nipah kini makanan premium

Oleh TOREK SULONG
utusan.news@mediamulla.com.my

PASIR PUTEH: Ketam nipah dikatakan luar biasa laris ketika musim pandemik Covid-19, menjadikan harganya melambung tinggi mencecah RM80 sekilogram berbanding RM40 hingga RM50 sekilogram sebelum ini.

Selain dicari pembeli untuk dijadikan penawar kepada demam denggi, ketam tersebut kini menjadi rebutan kerana ada yang percaya ia berupaya menjadi rawatan alternatif kepada pesakit Covid-19.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, penjual ketam di Lagun Kuala Semarak, di sini, Izman

Fikri Mohamad, 20, berkata, dia tidak tahu sejauh mana kesahihan khabar angin itu yang didengarinya dari pelanggan.

Namun katanya, disebabkan khabar angin itu, ketam nipah kini berharga premium dan jika dibeli borong dalam kuantiti yang banyak di mana-mana lokasi sekalipun, harganya tetap mahal.

"Harga pasaran ketam gred A mencanak sehingga RM80 untuk sekilogram iaitu dalam dua atau tiga ekor ketam bersaiz besar manakala ketam gred B RM70 sekilogram dan gred C RM55 sekilogram."

"Ketam saiz kecil pula harganya antara RM35 hingga RM45 sekilogram" katanya ketika ditemui di gerainya di sini semalam.

Izam Fikri berkata, sebelum ini dia hanya mendapatkan bekalan ketam nipah di sekitar Sungai Semarak namun disebabkan permintaan tinggi, dia terpaksa mencarinya sehingga ke Setiu, Terengganu.

Dalam sehari, sejumlah 200 kilogram ketam laris terjual, sama ada kepada pembeli yang membuat tempahan dalam talian ataupun orang ramai yang singgah di gerainya yang terletak di tepi Jalan Tok Bali - Kuala Besut.

"Kalau dahulu ketam nipah gred A harganya cuma RM40 hingga RM50 sekilogram. Saya tidak sangka harganya boleh melambung tinggi hingga RM80 sekilogram di musim pandemik Covid-19 ini," katanya.